


DOKUMEN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN PSP
PSP-DSPKKP-03

**PROSES PENILAIAN
PEMATUHAN**

	DISEDIAKAN OLEH	DILULUSKAN OLEH
JAWATAN	 PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	 WAKIL PENGURUSAN POLITEKNIK SEBERANG PERAI
TARIKH	26 DISEMBER 2018	26 DISEMBER 2018
KELUARAN	PINDAAN	TARIKH KUATKUASA
03	00	02 JANUARI 2019

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1.0	OBJEKTIF	1
2.0	SKOP	1
3.0	RUJUKAN	1
4.0	DEFINISI DAN SINGKATAN	2
5.0	PROSES KERJA	3
6.0	REKOD	6
7.0	LAMPIRAN	6

REKOD PINDAAN

BIL.	KELUARAN	PINDAAN	TARIKH KUATKUASA	NOTA PINDAAN
1.	01	01	28/01/2016	PSP – DSPKKP – 02
2.	02	00	17/01/2017	PSP – DSPKKP – 02
3.	03	00	02/01/2019	PSP – DSPKKP – 03

1.0 OBJEKTIF

- 1.1 Proses ini diwujudkan untuk mengenalpasti dan menilai pematuhan perundangan dan keperluan lain yang berkaitan dengan ketetapan yang dinyatakan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) di Politeknik Seberang Perai (PSP).

2.0 SKOP

- 2.1 Proses ini digunakan oleh politeknik dalam menilai pematuhan terhadap keperluan perundangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan lain-lain perundangan yang terpakai serta memastikan penyaluran rujukan dan maklumat terkini perundangan kepada kakitangan dan orang lain yang berada di tempat kerja.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 PSP – MSPKKP – 01 : Manual Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, PSP.
- 3.2 ISO 45001:2018 – Klausula 9.1.2 – Penilaian pematuhan.
- 3.3 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994
- 3.3 Akta Kilang dan Jentera, 1967.

4.0 DEFINISI DAN SINGKATAN

- 4.1 **Perundangan** Mana-mana keperluan perundangan statutori yang terpakai oleh PSP berkaitan KKP dalam bentuk Akta, Peraturan, Arahan Menteri atau yang wajib dipatuhi.
- 4.2 **Keperluan lain** Mana-mana keperluan selain dari perundangan statutori yang terpakai oleh PSP dalam bentuk kod tatamalan industri, garis panduan, atau arahan kerajaan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan
- 4.3 **SPKKP** Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- 4.4 **JKKP** Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
- 4.5 **PMB** Penyelia Makmal dan Bengkel
- 4.6 **PJ** Pembantu Jurutera
- 4.7 **LEV** *Local Exhaust Ventilation (LEV)* iaitu alat yang digunakan untuk menyedut udara di dalam bengkel bagi memastikan sistem pengudaraan berada dalam keadaan yang baik.
- 4.8 **CHRA** *Chemical Health Risk Assessment (CHRA)* iaitu penilaian ke atas bahan kimia yang berisiko menjejaskan kesihatan pekerja.

5.0 PROSES KERJA

TANGGUNGJAWAB	KETERANGAN
<p>Wakil Pengurusan/ JKKP, PSP</p>	<p>A. Menentukan kekerapan dan kaedah penilaian pematuhan</p> <ul style="list-style-type: none">i. Semua perundangan dan keperluan SPKKP lain yang berkaitan akan dikenalpasti dalam PSP – DSPKKP - 02 : Proses Menentukan Perundangan dan Keperluan Lain. Daftar ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi mengambil kira kewujudan akta atau peraturan baru yang berkaitan.ii. Sebarang maklumat tambahan dan pindaan perundangan dikenalpasti dari semasa ke semasa melalui samada surat kepada PSP, pekeliling terkini, portal agensi kerajaan yang berkaitan dan sebagainya. <p>B. Penilaian Pematuhan dan tindakan</p> <ul style="list-style-type: none">i. Pemeriksaan Kawasan kerja Politeknik melaksanakan pemeriksaan tempat kerja secara berkala dan dilaksanakan sekali dalam masa 3 bulan.ii. Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

TANGGUNGJAWAB	KETERANGAN
<p>Pegawai KKP/ PMB/ Jurutera/ PJ</p>	<p>Perlaksanaan audit jabatan kerajaan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, setempat secara berkala sekali setahun</p> <p>iii. Pemantauan kejadian berbahaya, kemalangan dan keracunan</p> <p>Pemantauan dilaksanakan merujuk kepada ketetapan perundangan dan di laksanakan secara berkala sekali setahun.</p> <p>iv. Penaksiran CHRA</p> <p>Ujian ini untuk memantau dan menganalisa pendedahan bahan kimia di kawasan berkenaan. Penaksiran PSP akan melaksanakan CHRA setiap 5 tahun sekali.</p> <p>v. Pemeriksaan LEV</p> <p>Ujian ini untuk memantau pengudaraan di kawasan sekitar tempat kerja. PSP akan jalankan pengujian setiap setahun sekali.</p> <p>vi. Pemeriksaan pengadun tekanan tak berapi</p> <p>Ujian menentukan keboleh operasi pengadun tekanan tak berapi akan dilaksanakan oleh Jabatan Keselamatan dan pekerjaan (DOSH) sekali setiap tahun. PSP akan memperbaharui permit mesin tekanan setiap sekali setahun.</p>

TANGGUNGJAWAB	KETERANGAN
<p>PMB/ Jurutera/ PJ/ Kakitangan Kontraktor</p>	<p>vii. Audit sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan Politeknik. Audit dilaksanakan secara berkala sekali setahun oleh auditor dalaman SPKKP.</p> <p>C. Mengekalkan pengetahuan dan pemahaman status pematuhannya dengan keperluan undang-undang dan keperluan lain</p> <p>i. Semua keputusan berkaitan dengan penilaian pematuhan akan di bincangkan di dalam mesyuarat jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan</p> <p>ii. Segala tindakan yang berkaitan akan dengan ketidak patuhan akan di ambil tindakan segera oleh pihak yang terlibat.</p> <p>iii. Tindakan tersebut akan dimaklumkan status perkembangan kepada pihak jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan politeknik</p> <p>iv. Pegawai yang dilantik oleh pihak pengurusan dari kalangan Ketua Jabatan dan SPKKP akan membuat penilaian terhadap kepatuhan kepada semua perundangan yang terpakai dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian kepada peruntukan perundangan, sepertimana yang disenaraikan dalam PSP-DSPKKP-02: Proses Menentukan Pematuhan Perundangan dan Keperluan Lain.</p> <p>v. Segala rekod pelaksanaan pematuhan kepada perundangan dan keperluan lain yang terpakai disimpan dan tersedia untuk dirujuk bila diperlukan.</p>

6.0 REKOD

- 6.1 Daftar dan Penilaian Pematuhan Perundangan dan Keperluan Lain.
- 6.2 Laporan CHRA (5 tahun sekali)
- 6.3 Laporan pemeriksaan PKKP
- 6.4 Laporan pemeriksaan LEV (setahun sekali)
- 6.5 Laporan Audit Kerajaan

7.0 LAMPIRAN

- 7.1 TIADA